

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 24 October 1986 &gt; Page 1 &gt; Banduan asah pisau takutkan tebusan

# Banduan asah pisau takutkan tebusan

Berita Harian, 24 October 1986, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL15617

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

## Banduan asah pisau takutkan tebusan

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Pisau dan alat-alat bedah diasah sampai tajam di hadapan mereka dan senjata-senjata itu digunakan untuk mengancam ketika mereka bercakap menerusi telefon, sedang banduan-banduan yang menawan mereka berjaga sepanjang waktu selama enam hari di klinik penjara Pudu.

Soal mati dan pertempuran dengan polis diungkit-ungkitkan apabila banduan-banduan itu memberitahu mereka berulang kali bahawa peluang untuk mereka selamat dalam peristiwa itu amat tipis.

“Ini merupakan satu pengalaman yang menakutkan dan sukar dilupakan. Malah saya tidak akan melupakannya,” kata ahli teknologi makmal, Encik Abdul Aziz Abdul Majid, 45 tahun, apabila beliau menceritakan kepada *The Straits Times* tentang peristiwa selama 128 jam, yang berakhir semalam.

Encik Abdul Aziz berkata beliau dan Dr Radzi Jaafar, 38 tahun, seorang pakar penyakit kulit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kian bimbang terhadap nyawa mereka apabila peristiwa itu berlarutan oleh kerana keenam-enam banduan

itu sering bercakap hendak membunuh diri secara beramai-ramai, termasuk membunuh tebusan mereka, sekiranya polis menyerbu atau tuntutan mereka ditolak.

“Banduan-banduan ini tidak jujur. Mereka ini samseng yang mahu menipu pihak berkuasa,” kata Encik Abdul Aziz yang terbaring di katil hospital.

### Cedera ringan

Encik Abdul Aziz, yang cedera ringan di kepala dan bahunya apabila anggota-anggota Unit Tindakan Khas (UTK) melancarkan serbuan

#### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
24 October 1986Reel Number:  
NL15617

Scroll to Top

Share

#### Table of Contents

&lt; Previous

Page 1 ▾

Next &gt;

### Nama Akhbar

Berita Harian HARIAN BERBAHASA MELAYU YANG TUNCCAL DI SINGAPURA NO 11,411 JUMAAT, 24

### PESTA RAIKAN SUNGAI BERSIH

PESTA RAIKAN SUNGAI BERSIH Waiah dua sungai berubah selepas usaha 10 tahun Oleh SALIM OMAR

### Hampir semua sumber cemar dihapus

Hampir semua sumber cemar dihapus TERDAPAT berbagai sumber pencemaran dari kandang babi

View Full Table of Contents &gt;

malam semalam, menyifatkan bekas anggota polis Singapura Jimmy Chua, 37 tahun, banduan tertua dan berpengalaman, sebagai keras kepala, nekad dan berkelakuan seperti binatang.

“Dr Radzi dan saya menderita kerana dia sering bercakap hendak menuntut bela. Chua menakutkan kami beberapa kali dengan mengasah pisau di depan kami.

“Dia ketawa sementara kami gementar, kami bimbang pengaruhnya ke atas anggota yang lain sehingga boleh mencetuskan satu pertumpahan darah dengan anggota polis,”

katanya.

Sementara itu, Dr Radzi memberitahu, beliau dan rakannya itu sentiasa dikawal rapi oleh banduan-banduan tersebut.

Agensi berita *Bernama* pula memetik Dr Radzi sebagai berkata di wadnya di Hospital Besar hari ini bahawa beliau dan Encik Abdul Aziz, duduk kira-kira satu meter antara satu dengan lain.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Penjara, Datuk Ibrahim Mohamed, hari ini berkata: “Mereka kelihatan begitu hampa. Kami tidak memandang ringan kemungkinan terjadinya kejadian membunuh diri beramai-ramai.”

Beliau menambah, selepas kejadian penahanan tebusan itu, pihak berkuasa mungkin mengenakan tuduhan di bawah Akta Menculik ke atas keenam-enam banduan tersebut, yang boleh membawa kepada hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati.

Mahkamah juga boleh memerintahkan hukuman sebat jika pesalah-pesalah itu tidak dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan itu.

**Lihat Muka Lapan**

## Related Articles



**Drama tebusan: Tindakan disiplin terhadap yg cuai**

*Berita Harian 13 January 1987*

Drama tebusan: Tindakan disiplin terhadap yg cuai NST. KAJANG

**25 jadi tebusan banduan**

*Berita Harian 27 August 1987*

25 jadi tebusan banduan UPI. PULAU ELBA (Italy) Seorang pengganas neo...

**Banduanancam bunuh tebusan**

*Berita Harian 24 October 1986*

Banduanancam bunuh tebusan NST. KUALA LUMPUR, Khamis Enam araag

National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29